

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : UPACARA PERASMIAN SIRI BENGKEL KEFAHAMAN ISLAM KE-3 BERTHEMAKAN
"ISLAM DAN CENDEKIAWAN MUSLIM"
Lokasi : IKIM
Tarikh : 30-10-1993

Kebanyakan negara-negara maju pada masa ini bergantung kepada golongan cendekiawan (the intelligentsia) mereka membangunkan negara mereka. Cendekiawan ini, yang hampir keseluruhannya telah melalui pendidikan tinggi, adalah memegang jawatan-jawatan yang penting di institusi-institusi pengajian tinggi, pertubuhan-pertubuhan atau persatuan-persatuan professional, dan akademik, jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan, dan dalam syarikat-syarikat dan gedung- gedung perniagaan yang besar.

Pendek-kata mereka itu menjadi sebahagian daripada golongan strategik kelas pertengahan (the strategic middle-class). Mereka menjadi pemimpin-pemimpin masyarakat, dan oleh itu perbuatan, sikap, nilai dan pemikiran mereka boleh mencorakkan masyarakat.

Some section of the intelligentsia in every Muslim country hold the conviction that their country must adopt wholesale and uncritically every aspect of modern science and technology if they are to be competitive with the rest of the world. Islam, of course, does not and cannot condemn progress in any branch of knowledge, including science. Westerners view their civilization as superior to all others because they say that it has achieved more scientific and technological progress in a century than the rest of mankind in all previous ages combined. It is only because of the role of materialism that modern sciences and technology are what they are today. The dominant ideal of Western civilization since ancient Greece is that mankind can achieve perfect happiness, health, prosperity, beauty, justice, and lasting peace through an intelligent, rationale application of human reason unaided or sanctioned by any supernatural power. Some reject the hereafter and turn their undivided attention to the attainment of health, comfort, pleasure and prosperity. Nature was and still is viewed by scientists as an enemy to be conquered, dominated, exploited and manipulated to serve human ends. He is convinced that by clever manipulation of the natural elements, he will eventually demonstrate his total independence from any power higher than himself. Thus modern science is guided by no moral values but materialism.

The pursuit of knowledge in Islam is never segmented. Its religious world view has enabled Muslims to develop many sciences without disrupting the social order. Thus a scholar like Ibn Sina could achieve distinction equally as a physician and a philosopher. Ibn Khaldun was an eminent statesman, diplomat and judge. The ideal man of learning in Islamic culture was not the specialist but the hakim or wise-man who encompasses within himself all the intellectual qualifications of the sage, scholar, philosopher, saint, medical healer and spiritual guide. If he happens to be a student, a diplomat, a traveller, a warrior or a wise merchant also, that too conforms to the Muslim concept of the ideal man.

High culture in our society can be cultivated in and through societal institutions - universities, organizations and associations, etc. by the elite of society. The elite of society with their much higher than average prestige, power and income can influence society's behaviour.

Kita perlu mengambil iktibar dari dunia barat yang mengagung-agungkan kemakmuran dan keadilan. Yang nyata, tahap jenayah mereka yang sangat mencemaskan kita harus mempertikaikan nilai-nilai moral yang telah terhasil dalam negara-negara Barat yang liberal.

Materialisme yang menjadi cara hidup memperlihatkan kepapaan di dalam kekayaan. Hal ini adalah disebabkan ketidaksedaran golongan yang memegang kuasa yang tentang tanggungjawab mereka terhadap masyarakat. Ia berkait rapat dengan kadar jenayah di kalangan golongan bawahan yang disebabkan pengagihan kekayaan negara serta peluang yang tidak seimbang. Tidak kurang pula jenayah kolar putih yang berkaitan dengan teknologi yang semakin canggih ini.

Menyedari hakikat tersebut itulah maka bengkel ini diadakan. Tanggungjawab menyebar dan memberi kefahaman Islam yang sebenar adalah kewajiban besar ke atas golongan cendekiawan Islam, dalam

konteks pembentukan graduan lepasan institusi pendidikan tinggi yang berupaya berpegang kepada nilai moral yang tinggi.

Kita tidak boleh menghadkan penerapan nilai-nilai murni Islam kepada pelajar-pelajar Muslim sahaja, kerana jelas bahawa Islam sebagai suatu agama universal perlu disampaikan kepada semua orang. Ini bukan bertujuan untuk mendorong mereka yang bukan Islam itu menganuti agama Islam, tetapi sekadar memberi kefahaman kepada mereka dan menyeru kepada mereka untuk menerima nilai-nilai Islam yang sejagat.

Dengan itu, tujuan bengkel ini menjadi jelas, iaitu:

(i) untuk menyuburkan kesedaran keislaman di kalangan ahli akademik beragama Islam di universiti-universiti tempatan;

(ii) untuk membangun kesedaran peri pentingnya nilai-nilai sejagat Islam itu sebagai asas integrasi nasional; (iii) untuk membangun kesedaran bahawa setiap orang Islam itu mempunyai tanggungjawab menyampaikan ajaran Islam kepada semua manusia;

(iv) untuk menyedarkan setiap mahasiswa-siswi Islam supaya berusaha dan bekerja keras menjadikan dirinya seorang pelajar yang cemerlang dalam semua perkara sehingga menjadi pelajar contoh.

Oleh hal yang demikian, golongan cendekiawan Islam, yang menjadi tokoh-tokoh akademi, ketua-ketua jabatan, tokoh korporat dan pemimpin-pemimpin pertubuhan dan persatuan masyarakat hendaklah di dalam perbuatan, kelakuan dan pertuturan berpandu kepada prinsip murni dan sejagat seperti bersih, cekap dan amanah. Sekiranya kita sendiri terlibat di dalam rasuah, penyelewengan dan lain-lain perbuatan yang bertentangan dengan nilai-nilai murni ini, maka kepimpinan kita, samada di peringkat jabatan dan lain-lain, akan tidak dihormati oleh orang lain seperti kejadian-kejadian 'white collar crimes' dan juga pelanggaran peraturan-peraturan oleh penjawat-penjawat awam yang beragama Islam yang dikenalpasti oleh Ketua Audit Negara dan Badan Pencegah Rasuah. Oleh itu, saya suka mengingatkan bahawa jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan serta persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan masyarakat yang dipimpin oleh orang Islam yang tergolong di dalam kumpulan cendekiawan Islam juga, hendaklah menunjukkan contoh dan teladan yang baik kepada orang lain. Dalam lain-lain perkataan, dari segi penghayatan dan penerapan nilai-nilai Islam yang universal, maka institusi-institusi berasaskan Islam, dan yang dipimpin oleh orang Islam sendiri hendaklah berada di barisan hadapan dari segi menunjukkan contoh dan teladan yang baik.

Perbuatan-perbuatan seperti membuang masa, menanggung-nangguhkan kerja, melanggar peraturan-peraturan pejabat yang sedia ada, menyalahgunakan kemudahan-kemudahan pejabat, terbitnya perasaan pra-sangka, tidak menghormati ketua dan sebagainya patutlah dihindarkan. Dengan ini, saya sukacita merasmikan bengkel ini.